



Siri Keluarga Mata Wang Baharu Negara Brunei Darussalam

Soalan-soalan Lazim Ditanyakan

Isi Kandungan

A. Maklumat Am.....	3
1. Bilakah mata wang baharu akan dikeluarkan untuk penggunaan orang ramai?	3
2. Adakah saya perlu menukar mata wang saya yang sedia ada?	3
3. Adakah mata wang lama akan berhenti diterima selepas 2026?.....	3
4. Apakah yang akan berlaku kepada mata wang lama? Adakah ia akan diganti?.....	3
5. Adakah nilai mata wang saya yang sedia ada akan berubah?	3
6. Di mana saya boleh mendapatkan mata wang baharu?.....	3
7. Mengapa terdapat jarak masa antara pengumuman ini dan pelancarannya?.....	3
8. Apakah perbezaan mata wang baharu berbanding siri sebelumnya?.....	3
9. Bagaimana BDCB membantu orang ramai bersedia untuk menggunakan mata wang kertas baharu?	4
10. Adakah mata wang BND1,000 baharu dengan ciri-ciri keselematan dinaik taraf akan dikeluarkan juga?	4
11. Adakah akan ada syiling baharu dikeluarkan bersama dengan mata wang baharu?	4
B. Reka Bentuk & Ciri Keselamatan.....	4
12. Apakah ciri keselamatan baharu dan bagaimana cara memeriksanya?	4
13. Mengapa istilah “Ringgit” digantikan dengan “Dolar Brunei”?.....	5
14. Adakah penggunaan perkataan “Ringgit” sebelum ini adalah salah?	6
15. Apakah ciri DOMINO™ dan bagaimana ia membantu?.....	6
16. Apakah inspirasi di sebalik reka bentuk mata wang baharu ini?	6
17. Siapakah yang mereka bentuk mata wang baharu ini? Adakah terdapat rundingan awam dijalankan?	6
18. Siapakah yang mencetak mata wang baharu ini?	6
C. Lain-lain.....	6
19. Adakah akan terdapat set edisi terhad untuk peminat numismatik?	6
20. Mengapakah jualan produk numismatik akan diadakan selepas pengumuman pelancaran?.....	6
21. Dengan pembayaran digital yang semakin berkembang di Negara Brunei Darussalam, mengapa masih penting untuk mengeluarkan mata wang baharu?	7
22. Adakah mesin juruwang automatik (ATM), mesin deposit tunai (CDM) dan kiosk lain bersedia untuk menerima mata wang baharu semasa pelancaran?	7

Siri Mata Wang Negara Brunei Darussalam Baharu
Soalan-soalan Lazim

23. Apa akan berlaku jika perniagaan enggan menerima mata wang siri lama selepas pelancaran?..... 7
24. Bagaimana BDCB memastikan mata wang baharu diiktiraf dan diterima di peringkat antarabangsa, khususnya di Singapura? 7
25. Adakah ciri keselamatan mata wang akan dinaik taraf lebih kerap pada masa hadapan?
7
26. Adakah terdapat isu pemalsuan yang menyebabkan pengeluaran siri baharu ini? 7

A. Maklumat Am

1. **Bilakah mata wang baharu akan dikeluarkan untuk penggunaan orang ramai?**
Siri Mata Wang Baharu akan dilancarkan pada separuh pertama tahun 2026. Tarikh pelancaran akan diumumkan melalui saluran rasmi, termasuk laman web BDCB (www.bdcg.gov.bn) dan media sosial (Instagram: @centralbank.brunei).
2. **Adakah saya perlu menukar mata wang saya yang sedia ada?**
Tidak. Semua mata wang yang sedia ada masih sah diperlakukan dan akan terus diedarkan bersama siri baharu. Awda tidak perlu membuat sebarang pertukaran.
3. **Adakah mata wang lama akan berhenti diterima selepas 2026?**
Tidak. Semua mata wang yang sedia ada adalah sah diperlakukan.
4. **Apakah yang akan berlaku kepada mata wang lama? Adakah ia akan diganti?**
Semua mata wang sedia ada akan terus sah diperlakukan dan diedarkan bersama-sama dengan siri baharu buat masa ini. Penggantian siri lama adalah sebahagian daripada amalan biasa dan operasi pengurusan mata wang.
5. **Adakah nilai mata wang saya yang sedia ada akan berubah?**
Tidak. Nilai mata wang yang sedia ada kekal sama. Pengeluaran siri baharu tidak menjejaskan nilai Dolar Brunei.
6. **Di mana saya boleh mendapatkan mata wang baharu?**
Selepas pelancarannya pada separuh pertama tahun 2026, mata wang baharu akan boleh didapati melalui bank awda serta mesin ATM.
7. **Mengapa terdapat jarak masa antara pengumuman ini dan pelancarannya?**
Tempoh ini digunakan untuk mengadakan pemberitaan kepada pihak berkepentingan dan orang ramai mengenai mata wang baharu serta memberi masa kepada bank untuk menala mesin mereka bagi memastikan pelancaran berjalan dengan teratur apabila mata wang mula diedarkan.
8. **Apakah perbezaan mata wang baharu berbanding siri sebelumnya?**

Sila rujuk jadual di bawah untuk mengetahui persamaan dan perbezaan antara siri mata wang sebelum ini dan yang baharu:

Apa yang Sama	Apa yang Berbeza
Saiz & Warna – Mata wang mengekalkan dimensi dan skema warna yang sama untuk mudah dikenali oleh orang ramai.	Ciri Keselamatan Dinaik Taraf – Ciri keselamatan moden dan terkini bagi melindungi daripada pemalsuan.

Siri Mata Wang Negara Brunei Darussalam Baharu

Soalan-soalan Lazim

Elemen Reka Bentuk – Motif, tema dan potret Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (BND1–100) serta Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien (BND500) dikekalkan.	Ciri DOMINO™ – Bagi memastikan keterangkuman penggunaan mata wang ini, ciri timbul titik DOMINO™ membantu Orang Kurang Upaya Penglihatan untuk menggunakan mata wang dengan lebih mudah, yakin, dan berdikari.
Identiti Nasional – Mata wang terus mencerminkan warisan dan tradisi Negara Brunei Darussalam.	Pengemaskinian Istilah “Dolar” – Istilah “Ringgit” telah digantikan dengan “Dolar Brunei” bagi semua denominasi.

9. **Bagaimana BDCB membantu orang ramai bersedia untuk menggunakan mata wang kertas baharu?**

BDCB akan menjalankan kempen pemberitaan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai mata wang baharu tersebut. Ini termasuk mengeluarkan bahan kesedaran untuk orang ramai, taklimat dengan pihak-pihak berkepentingan, kerjasama dengan institusi kewangan serta penyelarasan bersama bank-bank pusat serantau. Dengan ini, BDCB akan memastikan orang ramai dapat mengenal pasti, memahami dan menggunakan siri baharu dengan yakin apabila ia mula diedarkan.

10. **Adakah mata wang BND1,000 baharu dengan ciri-ciri keselamatan dinaik taraf akan dikeluarkan juga?**

BDCB akan terus memantau keperluan mata wang bagi ekonomi dan orang ramai, dan sebarang perkembangan mengenai denominasi baharu akan dimaklumkan melalui saluran rasmi BDCB.

11. **Adakah akan ada syiling baharu dikeluarkan bersama dengan mata wang baharu?**

BDCB telah memperkenalkan siri syiling ke-5 pada tahun 2017 dan akan terus memantau sama ada terdapat keperluan untuk mengeluarkan siri baharu pada masa hadapan.

B. Reka Bentuk & Ciri Keselamatan

12. **Apakah ciri keselamatan baharu dan bagaimana cara memeriksanya?**

Siri Mata Wang baharu mengandungi ciri keselamatan terkini selaras dengan kemajuan global dalam industri mata wang. Ciri-ciri ini memudahkan orang ramai memeriksa ketulenan mata wang dan mengukuhkan perlindungan daripada pemalsuan.

Cara memeriksa adalah mudah. Ingat tiga langkah ini:

- **LIHAT** – Periksa mata wang dengan mata kasar dan juga di bawah cahaya UV. Lihat bahagian lutsinar dan ciri yang bersinar.
- **MIRINGKAN** – Gerakkan mata wang dari sisi ke sisi dan perhatikan perubahan warna atau kesan bergerak.

Siri Mata Wang Negara Brunei Darussalam Baharu
Soalan-soalan Lazim

- **RASA** – Sentuh permukaan mata wang– ia terasa licin tetapi ada bahagian kasar di kawasan cetakan timbul.

Periksa	Ciri Keselamatan	Penerangan
LIHAT	Tingkap Kompleks dan Tingkap Sekunder	Cari tingkap lutsinar – setiap wang kertas mempunyai tingkap menegak dengan reka bentuk masjid dan tingkap kecil berbentuk bunga di sebelah kanan.
	VIVID™ WHITE	Gunakan cahaya UV untuk melihat ciri keselamatan berwarna putih terang: jalur di sebelah kanan, corak bulatan nilai denominasi di tengah, dan nombor di bahagian tepi.
	Nama dan Logo BDCB	Di bawah cahaya UV, logo BDCB dan perkataan “Brunei Darussalam Central Bank” kelihatan.
MIRINGKAN	Aurora™	Miringkan mata wang untuk melihat corak tradisional Negara Brunei Darussalam di sekitar tingkap berubah daripada dua warna kepada satu warna yang lebih terang.
	Metalix™	Miringkan mata wang untuk melihat corak kotak berkilat yang bertukar warna seperti emas, biru atau tembaga.
	Spark® Live	Miringkan mata wang untuk melihat corak bunga yang berubah warna, contohnya daripada hijau ke biru atau emas ke hijau.
RASA	Substrat (Polimer)	Rasa permukaan polimer yang licin dengan tekstur kasar di kawasan cetakan timbul.
	DOMINO™	Rasa titik timbul pada sudut bawah sebelah kanan – setiap mata wang mempunyai susunan yang unik untuk membantu orang kelainan upaya penglihatan mengenal pasti denominasinya.

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk laman web BDCB di www.bdcb.gov.bn.

13. Mengapa istilah “Ringgit” digantikan dengan “Dolar Brunei”?

Perubahan ini mengesahkan unit rasmi mata wang Negara Brunei Darussalam mengikut Perintah Mata Wang, 2004, iaitu ‘dolar’. Perubahan ini bertujuan untuk memperkukuh serta menggalakkan penggunaan istilah tersebut secara meluas.

Siri Mata Wang Negara Brunei Darussalam Baharu
Soalan-soalan Lazim

14. Adakah penggunaan perkataan “Ringgit” sebelum ini adalah salah?
“Ringgit” pernah digunakan secara sejarah, tetapi di bawah Perintah Mata Wang 2004, unit rasmi mata wang adalah “Dolar Brunei.” Perubahan ini mengukuhkan penggunaan istilah rasmi untuk konsistensi.
15. Apakah ciri DOMINO™ dan bagaimana ia membantu?
Ciri DOMINO™ adalah rasa titik timbul pada sudut bawah sebelah kanan setiap mata wang, di mana setiap denominasi mempunyai susunan yang unik untuk membantu orang kelainan upaya penglihatan mengenalpastinya. BDCB juga akan bekerjasama dengan persatuan seperti Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi memberikan pendedahan dan sesi praktikal supaya komuniti berkenaan lebih biasa dengan mata wang ini sebelum ia diedarkan.
16. Apakah inspirasi di sebalik reka bentuk mata wang baharu ini?
Reka bentuk ini meraikan identiti dan warisan negara Brunei Darussalam, menampilkan masjid ikonik, corak tenunan tradisional, dan motif yang mencerminkan budaya serta nilai-nilai negara.
17. Siapakah yang mereka bentuk mata wang baharu ini? Adakah terdapat rundingan awam dijalankan?
Reka bentuk ini dihasilkan oleh pihak BDCB dengan kerjasama pakar reka bentuk tempatan dan antarabangsa, bagi memastikan ia selamat, berfungsi dengan baik, dan mewakili budaya negara.
18. Siapakah yang mencetak mata wang baharu ini?
Mata wang baharu ini dicetak oleh pencetak wang antarabangsa yang berwibawa dan memenuhi piawaian keselamatan serta kualiti tertinggi, dengan kerjasama BDCB.

C. Lain-lain

19. Adakah akan terdapat set edisi terhad untuk peminat numismatik?
Ya. BDCB akan menawarkan set numismatik edisi terhad yang menampilkan siri baharu ini sebagai produk kenang-kenangan. Produk-produk ini termasuk 40-in-1 uncut sheets, 8-in-1 uncut sheets, 3-in-1 uncut sheets, single notes with special prefixes dan lain-lain lagi. Maklumat lanjut mengenai jualan akan diumumkan melalui saluran rasmi BDCB dalam masa terdekat.
20. Mengapakah jualan produk numismatik akan diadakan selepas pengumuman pelancaran?
Produk numismatik akan dikeluarkan selepas pelancaran mata wang baharu supaya ketersediaannya selaras dengan pengenalan siri baharu. Butiran jualan akan diumumkan lebih dekat dengan tarikh pengeluaran.

Siri Mata Wang Negara Brunei Darussalam Baharu
Soalan-soalan Lazim

21. Dengan pembayaran digital yang semakin berkembang di Negara Brunei Darussalam, mengapa masih penting untuk mengeluarkan mata wang baharu?
Walaupun pembayaran digital semakin berkembang, wang tunai kekal penting untuk keperluan harian ramai orang serta dalam memastikan setiap orang mempunyai cara membayar yang selamat dan boleh dipercayai. Pengeluaran mata wang baharu ini memastikan mata wang kita kekal selamat, diyakini dan tahan terhadap pemalsuan. Ini sekaligus mengekalkan keyakinan terhadap sistem kewangan.
22. Adakah mesin juruwang automatik (ATM), mesin deposit tunai (CDM) dan kiosk lain bersedia untuk menerima mata wang baharu semasa pelancaran?
BDCB bekerjasama dengan bank dan pihak-pihak peniaga untuk memastikan CDM, ATM dan mesin tunai lain – termasuk mesin layan diri, kiosk letak kereta dan mesin dobi layan diri – ditala sebelum pelancaran bagi memastikan peralihan yang lancar.
23. Apa akan berlaku jika perniagaan enggan menerima mata wang siri lama selepas pelancaran?
Perniagaan diwajibkan secara undang-undang untuk menerima semua wang sah diperlakukan (legal tender) termasuk yang daripada siri sebelum ini. BDCB akan mengeluarkan peringatan dan bekerjasama dengan pihak berkepentingan berkaitan bagi memastikan pematuhan dan melindungi hak pengguna.
24. Bagaimana BDCB memastikan mata wang baharu diiktiraf dan diterima di peringkat antarabangsa, khususnya di Singapura?
BDCB akan bekerjasama dengan bank-bank pusat serantau dan antarabangsa untuk memberigakan dan memastikan mata wang baharu diiktiraf dan diterima. Khususnya, BDCB akan bekerjasama rapat dengan Monetary Authority of Singapore (MAS) bagi menyokong pelaksanaan Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang (CIA) antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura demi memastikan keyakinan berterusan dan penggunaan Dolar Brunei yang lancar di Singapura.
25. Adakah ciri keselamatan mata wang akan dinaik taraf lebih kerap pada masa hadapan?
BDCB sentiasa memantau keselamatan dan fungsi mata wangnya. Peningkatan akan dibuat jika perlu supaya mata wang kita kekal selamat, seiring dengan kemajuan teknologi serta ancaman pemalsuan.
26. Adakah terdapat isu pemalsuan yang menyebabkan pengeluaran siri baharu ini?
Tidak. Pengenalan siri baharu ini adalah sebahagian daripada kitaran pengurusan mata wang BDCB yang biasa. Ia merupakan langkah proaktif untuk mendahului risiko pemalsuan dan kekal selaras dengan kemajuan ciri keselamatan global, dan bukannya reaksi kepada kejadian tertentu.